

Kesan Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Islam Singapura

Muktamar pertubuhan-pertubuhan Islam yang dianjurkan oleh Pertubuhan Muslimin yang diadakan di Singapura pada 10 haribulan Jun 1962, telah tamat dengan menerima pada dasarnya kertas kerja Haji Ya'acob Mohamed, Setiausaha Tetap Perdana Menteri Singapura yang menghendaki supaya diadakan derma-derma tetap untuk pekerja-pekerja Muslimin sebanyak satu peratus daripada gaji-gaji mereka; dan wang hasilnya akan diserahkan kepada kawalan kerajaan dengan melantik suatu jawatankuasa pentadbirnya. Kerajaan dituntut supaya menderma seringgit bagi tiap-tiap seringgit yang dipungut daripada derma itu. Mukhtar itu telah dipengerusikan oleh A. Buyong Adil seorang ahli bahasa dan sasterawan.

(Oleh Wakil Qalam)

Telah disampaikan, bahawa seorang tokoh agama yang terkemuka di Singapura, bukan sebagai wakil mana-mana badan, yang diundang di majlis itu dikatakan telah ingin hendak bertanya mengenai perkara sangkut paut hal-hal derma (sedekah) mengikut hukum agama tetapi pengerusinya, Encik Buyong Adil, dikatakan menolak dengan alasan yang boleh berkata-kata hanya wakil-wakil dari badan-badan sahaja. Kerana itu persoalan yang ada sangkut pautnya dengan hukum-hukum agama, sebelum melaksanakan sesuatu keputusan lalu dibahas oleh orang-orang yang bolehlah dikatakan kurang mahir atau tidak ahli di dalam agama seperti orang-orang Lembaga Bahasa Melayu, orang-orang dari Lembaga Tetap Kongres dan seumpamanya.


Maka kerana itu, perbahasan yang dilakukan di dalamnya tidak lagi lebih dahulu dapat mengkaji hukum-hukum yang berkenaan tetapi perkara-perkara yang dibahas nampaknya adalah berlari kepada kemahuan dan nafsu oleh orang-orang yang terbanyaknya tidak cukup faham tentang hukum agama.

Kerana pengerusinya sendiri bukan ahlinya maka nampaknya perkara-perkara yang patut dibahas lebih dahulu mengenai kertas kerja itu tidak dibahas dan dirundingkan. Perkara-perkara mengenai hukum "derma bakti" itu sepatutnya lebih dahulu diselesaikan walaupun pada hakikatnya diasaskan



Dato' Syed Ibrahim Alsagoff, dengan sifatnya sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Islam Singapura, sedang memberi ucapan pembukaan Mukhtar Badan-badan Islam Singapura. Yang duduk ialah Haji Ya'acob Mohamed.

dengan cara "sukarela" iaitu tidak dengan sesuatu paksaan tetapi meminta suatu derma tetap berjalan berturut-turut atau terus-menerus itu tentulah hal yang demikian ada berkaitan dengan syarak terutamanya asas sedekah itu tentulah lebih dahulu berhajat kepada ikhlas atau keikhlasan dengan kerana Allah – jika tidak sedekah yang diberikan itu akan sesia belaka.



Suatu pemandangan dalam majlis pembukaan Muktamar Badan-badan Islam Singapura yang dianjurkan oleh

Pertubuhan Muslimin pada 10 haribulan Jun 1962 yang lalu. Haji Ya'acob Mohamed kelihatan sedang memberi

ucapan bagi pihak Pertubuhan Muslimin yang mengadakan muktamar itu.

Ini ialah dari satu segi. Dari segi yang lain pula, kertas kerja itu akan menimbulkan lagi perkara lain. Selain daripada untuk melaksanakannya berhajat kepada persetujuan kerajaan di dalam Majlis Mesyuarat Undangannya dengan mengadakan satu peraturan undang-undang, maka kertas kerja itu ada pula pertaliannya dengan keadaan masyarakat – harus yang akan memberi kerjasama hanyalah orang-orang yang rendah gajinya sedang yang besar gajinya tidak akan mau memberi kerjasama apalagi hatawan-hartawannya sebab mereka sudah banyak terikat dengan hukum-hukum zakat dan juga dengan cukai penghasilan negara.

Juga tidak dikaji sungguh-sungguh apakah cadangan-cadangan yang dibuat itu sebenarnya bermanfaat kepada umum umat Islam ataupun adakah rancangan itu hanya suatu cadangan yang sulit dijalankan, dan/ataupun rancangan itu ada pertaliannya dengan politik terutamanya untuk melupakan kepada perkara undang-undang peraturan Islam yang disemak semula dan telah hampir setahun tidak terdengar khabar beritanya. Semuanya perkara-perkara yang ada di sekeliling kita tidak dikaji dengan saksama terlebih dahulu oleh peserta-peserta – mereka hanya memandang kepada zahirnya dan kerana ia telah dianjurkan nampaknya oleh orang

“yang terkemuka” maka mudah benar orang-orang terus mengikut dengan tidak memikirkan terlebih dahulu perkara-perkara yang harus tertarik di dalamnya. Ini sememang sifat orang-orang di Singapura lekas sekali mengikut-ikut kalau yang menganjurkan orang-orang seperti itu.

Dengan kerana itu maka keadaan di dalam mesyuarat atau muktamar itu tidaklah ada perbincangan-perbincangan yang sehalus-halusnya dibuat sebelum perkara itu dikemukakan.

Tetapi, keputusan telah diambil bahawa kalaulah terlaksana cadangan itu iaitu menuntut kerajaan menderma seringgit bagi tiap-tiap seringgit yang dipungut maka tentunya perkara itu pula mengenai akan perkara siasah negara terhadap hak istimewa penduduk kecil. Syor menuntut seringgit derma bagi tiap-tiap seringgit yang dipungut itu terbitnya daripada UMNO yang harus pula membawa perkara itu supaya tidak tertimbul perkara “kawalan hak keistimewaan penduduk kecil” di negeri ini yang dibuat oleh wakil UMNO di London dahulu hanya sebagai pendahuluan sahaja supaya dilupakan – tidak terungkit-ungkit lagi.

Di dalam apa-apa hal pun kita berharap semoga ada kejayaannya dan berhasil cita-cita mereka dan/atau sekurang-kurangnya kalau ada kesalahan-kesalahan di dalamnya dikaji terutamanya tentang perkaitannya dengan hukum syarak – tidak perkara itu dibahas oleh umum yang kurang faham hukum-hukum agama adanya.



Di kanan sekali ialah Haji Ya'acob Mohamed Pengerusi Penaja Muktamar Badan-badan Islam, dan di kiri sekali ialah Encik Ramli Abdul Hadi Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Muslimin. Di tengah-tengah Tuan Haji Muhammad Khan yang telah meletakkan jawatan dari Naib Yang di-Pertua Jamiyah baharu-baharu ini kerana Jamiyah tidak menyertai Muktamar anjuran Pertubuhan Muslimin. Beliau juga ialah Bendahari Pertubuhan Muslimin. Beliau juga menjadi Yang di-Pertua Oversea Pakistani League, khabarnya pernah menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Bandaraya Singapura; demikian juga khabarnya beliau pernah menjadi pula Ahli Jawatankuasa Malay Chambers of Commerce dan juga khabarnya menjadi juga Ahli Jawatankuasa Indian Chambers of Commerce.